

Badminton


1. Ling Jing Hui (SMK Seri Nibong)
2. Goh Yee Hwa (SJKC Yoke Eng)
3. Chua Weng Siang (SJKC Sin Ya)
4. Heng Su Hun (SJKC Beng Teik Pusat)

Permainan Kecil Badminton

1. Mengimbang Bulu Tangkis Dengan Tangan
 2. Kena keluar
3. Membaling Bulu Tangkis Dengan Menjunam
 4. Monkey Dan Bulu Tangkis
 5. Berlari Dengan Bulu Tangkis
6. Mengimbang Bulu Tangkis Dengan Raket.
 7. Permainan Servis Dinding
8. Permainan Servis Menepati Sasaran
 9. Pukulan Menepati Sasaran
 10. Permainan Putaran


10 PERMAINAN KECIL BADMINTON

1. Mengimbang bulu tangkis dengan tangan



- 1.1 Murid dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 3 orang ahli.
- 1.2 Murid di depan sekali akan mengimbang bulu tangkis dan berlari ke arah kon dan balik ke tempat permulaan.
- 1.3 Murid yang berbaris kedua akan sambung dengan menimbang bulu tangkis seperti murid pertama.
- 1.4 Murid yang ketiga akan menamatkan pusingan terakhir.
- 1.5 Kumpulan yang paling awal menamatkan permainan dikira sebagai pemenang.
- 1.6 Masa permainan ialah 20 minit.

2. Kena Keluar



2.1 Permainan ini adalah jenis kumpulan.

2.2 Murid membaling bulu tangkis dengan tangan dari luar gelanggang terhadap murid yang berada dalam gelanggang .

2.3 Murid yang terkena bulu tangkis dikeluarkan. Murid yang terakhir sekali dikira sebagai pemenang.

2.4 Selepas itu tukar peranan, murid yang membaling pula dimasukkan ke dalam gelanggang.

2.5 Masa permainan ialah 20 minit.

3. Membaling bulu tangkis dengan menjunam




3.1 Permainan ini adalah jenis individu.

3.2 Murid menggunakan tangan untuk membalik bulu tangkis menjunam dengan cepat ke arah kon.

3.3 Murid yang paling banyak membalik bulu tangkis mengenai kon dikira sebagai pemenang.


3.4 Masa permainan ialah 20 minit.

4. *Monkey* dan bulu tangkis




- 4.1 Murid dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 3 atau 4 orang ahli.
- 4.2 Murid yang berada di tengah dipanggil *monkey*.
- 4.3 Murid X membaling bulu tangkis ke murid Y dan *monkey* cuba menangkapnya.
- 4.4 Apabila bulu tangkis didapati oleh *monkey*, murid yang membaling bulu tangkis menjadi *monkey* pula.
- 4.5 Masa permainan ialah 20 minit.

5. Berlari dengan bulu tangkis



- 5.1 Murid dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 3 atau 4 orang ahli.
- 5.2 Murid X1 berlari ke arah kon kiri dengan bulu tangkis dan letakkan bulu tangkis berhampiran kon kiri.
- 5.3 Murid X1 berundur ke tempat asal untuk mengambil bulu tangkis seterusnya dan kembali berlari ke arah kon kanan dan letakkan bulu tangkis berhampiran kon kanan.
- 5.4 Murid X1 kembali ke tempat asal.
- 5.5 Murid X2 berlari ke arah kon kiri dengan bulu tangkis dan menukar bulu tangkis yang terdapat berhampiran kon kiri tadi.
- 5.6 Murid X2 berundur ke tempat asal dan kembali berlari ke arah kon kanan dan menukar bulu tangkis yang terdapat berhampiran kon kanan.
- 5.7 Murid X2 kembali ke tempat asal.
- 5.8 Murid X3 berlari ke arah kon kiri dengan bulu tangkis dan menukar bulu tangkis yang terdapat berhampiran kon kiri tadi.
- 5.9 Murid X3 berundur ke tempat asal dan kembali berlari ke arah kon kanan dan menukar bulu tangkis yang terdapat berhampiran kon kanan.
- 5.10 Murid X3 kembali ke tempat asal.
- 5.11 Kumpulan yang paling cepat menyempurnakannya dikira sebagai pemenang.
- 5.12 Masa permainan ialah 20 minit.

6. Mengimbang bulu tangkis dengan raket.



6.1 Murid dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 3 orang ahli.

6.2 Murid di depan sekali akan mengimbang bulu tangkis dengan raket dan berlari ke arah hadapan yang telah ditentukan.

6.3 Murid yang berbaris kedua akan sambung dengan menimbang bulu tangkis seperti murid pertama.

6.4 Murid yang ketiga akan menamatkan pusingan terakhir.

6.5 Kumpulan yang paling awal menamatkan permainan dikira sebagai pemenang.

6.6 Masa permainan ialah 20 minit.

7. Permainan servis dinding




7.1 Menandakan dinding mengikut paras jarring dengan *masking tape*.

7.2 Murid membuat pukulan servis bergilir-gilir dalam kumpulan.


7.3 Masa permainan ialah 20 minit.

8. Permainan servis menepati sasaran



- 8.1 Murid dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 3 orang ahli.
- 8.2 Murid akan bergilir-gilir membuat servis dan cuba menepati sasaran iaitu memasuki kotak yang telah disediakan.
- 8.3 Kumpulan yang paling ramai ahli menepati sasaran dikira sebagai pemenang.
- 8.4 Masa permainan ialah 20 minit.

9. Pukulan menepati sasaran



- 9.1 Murid dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 2 orang ahli.
- 9.2 Seorang murid melambung bola tinggi dan rakan dalam kumpulan melakukan *drop* secara bergilir.
- 9.3 Murid bergiliran membuat pukulan drop dan bulu tangkis mesti menuju masuk dalam bakul disediakan.
- 9.4 Kumpulan yang mendapat jumlah bulu tangkis yang paling banyak dikira sebagai pemenang.
- 9.5 Masa permainan ialah 20 minit.

10. Permainan putaran



- 10.1 Murid dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 3 orang ahli.
- 10.2 Murid pertama memulakan servis kepada murid kedua.
- 10.3 Murid kedua membalas pukulan kepada murid ketiga.
- 10.4 Murid ketiga membalas pukulan balik kepada murid pertama.
- 10.5 Murid pertama akan mengulangi perbuatan seperti di atas.
- 10.6 Kumpulan yang paling lama mengekalkan bulu tangkis di udara dikira sebagai pemenang.
- 10.7 Masa permainan ialah 20 minit.